

19 AUG 2000

Abdullah-Hubungan

PEMUPUKAN HUBUNGAN AHLI POLITIK GENERASI MUDA M'SIA-S'PURA MEMANG BAIK

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata cadangan supaya ahli politik generasi muda negara ini memupuk hubungan yang erat dengan rakan sejawatan mereka dari Singapura memang baik.

Beliau berkata ini dapat membantu menyelesaikan apa-apa masalah yang timbul antara kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, kedua-dua pihak perlu berusaha keras dan usaha mereka bergantung kepada kesediaan menyelesaikan setiap isu membabitkan kedua-dua negara, kata beliau selepas menghadiri Majlis Jamuan Amal Yayasan Tuanku Syed Putra di sini malam ini.

Abdullah mengulas cadangan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew pada Khamis supaya ahli politik generasi muda dari kedua-dua negara menjalin hubungan lebih kukuh bagi mengatasi masalah antara kedua-dua negara.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Kita juga boleh berasa optimistik tetapi sudah tentu kedua-dua pihak perlu berusaha bagi mencari penyelesaian."

"Saya memang menyambut baik cadangan itu dan Saya berpendapat ia amat baik untuk Malaysia dan Singapura," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia bersedia memberi lebih tolak ansur, Abdullah berkata ia bergantung kepada perbincangan yang akan diadakan.

"Jika kedua-dua pihak bersedia menyelesaikan masalah, Saya pasti masalah dapat diatasi," kata Abdullah.

Lee berada di negara ini selama empat hari mulai Isnin lalu untuk lawatan dan semasa di negara ini, beliau menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah.

--BERNAMA

NM ARA FAZ